UOBAM (Malaysia) launches first sustainable bond fund focused on impact investing and stable income for sophisticated investors



Headline:UOBAM lancer dana borong pertama USSGCFMedia:Harian MetroDate:9 November 2021Page:Business, 24

UOBAM lancar dana borong pertama USSGCF

Kuala Lumpur: UOB Asset Management Malaysia (UO-BAM) melancarkan United Sustainable Series - Global Credits Fund (USSGCF), dana borong pertamanya yang memberi tumpuan kepada bon daripada syarikat yang mencapai kemajuan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 1 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

SDG PBB menetapkan agenda global untuk pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang mampan untuk dicapai menjelang 2030.

USSGCF bertujuan mencapai objektif pelaburan dengan melabur sekurang-kurangnya 90 peratus daripada nilai aset bersihnya dalam RobecoSAM SDG Credit Income (Dana Sasaran).

Dana Sasaran menawarkan pendedahan terpelbagai dalam pasaran kredit global kepada pelabur dan bertujuan memaksimumkan pendapatan sepanjang kitaran kredit.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Lim Suet Ling, berkata, di UOBAM, pihaknya melabur untuk sesuatu tujuan dan menyediakan pulangan positif. "Kami melihat minat yang semakin meningkat dalam dana tertumpu pada alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang memberi impak positif, terutamanya dalam kalangan pelabur sofistikated yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pengamalan ESG.

"Terdapat juga bukti semakin meningkat yang menunjukkan penjajaran nilai pelaburan boleh membawa prestasi yang mengatasi pulangan secara konsisten dalam jangka panjang," katanya dalam kenyataan.

USSGCF sesuai untuk pelabur sofistikated yang mempunyai profil risiko konservatif, tempoh pelaburan jangka panjang dan inginkan pertumbuhan modal dengan melabur dalam portfolio instrumen pendapatan tetap global.

la disediakan untuk langganan dalam Ringgit Ma-Dolar Australia. lavsia. Pound Sterling, Dolar Singapura, Dolar Amerika Syarikat dan Renminbi China dengan pelaburan permulaan minimum masing-masing RM1,000. A\$1,000, AS\$1,000, £1,000 dan RMB1,000.